



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

SKOP PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN KENDERAAN TEKSI, KERETA SEWA DAN E-HAILING BAGI TUJUAN RENTAS SEMPADAN SEPANJANG TEMPOH PKP 2.0

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menerima beberapa aduan daripada pemandu-pemandu teksi mengenai kekeliruan berkaitan skop pengoperasian dan perkhidmatan kenderaan teksi, kereta sewa serta e-hailing yang telah merentas daerah atau sempadan negeri sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

Aduan yang dikemukakan menyatakan bahawa pemandu yang terlibat telah ditahan dan disoal oleh pihak berkuasa di Sekatan Jalan Raya (SJR) ketika dalam perjalanan pulang selepas menghantar penumpang untuk merentas sesuatu sempadan daerah atau negeri.

Di sini saya ingin memperjelaskan perkara-perkara berikut:-

- (i) Kerajaan **TIADA HALANGAN** atau mengeluarkan sebarang arahan untuk menghentikan perkhidmatan pengangkutan awam termasuk teksi, kereta sewa dan e-hailing mahupun menghalang mereka untuk beroperasi merentas sempadan daerah atau negeri dalam tempoh PKP ini. Namun, semua perkhidmatan berkenaan hendaklah beroperasi dengan **MEMATUHI PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)** yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) tanpa sebarang kompromi.
- (ii) Sepanjang tempoh PKP ini, kenderaan teksi, kereta sewa dan e-hailing **DIBENARKAN BEROPERASI SEPENUHNYA** berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan essential. Mereka juga dibenarkan merentas daerah dan sempadan negeri sebagaimana kebenaran di bawah kenderaan perdagangan;
- (iii) Perlu ditekankan, kebenaran merentasi sempadan daerah atau negeri ini hendaklah **MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN** untuk menghantar penumpang yang mempunyai kelulusan dan keperluan di bawah skop yang dibenarkan. Pelaksanaan PKP adalah untuk mengawal pergerakan orang ramai termasuk individu yang menjadi penumpang;





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

- (iv) Oleh itu, semua pemandu perkhidmatan kenderaan teksi, kereta sewa dan e-hailing **HENDAKLAH** memastikan penumpang mereka mempunyai kelulusan dan keperluan di bawah skop yang dibenarkan sebelum ke lokasi yang memerlukan rentas sempadan daerah atau negeri. Pemandu perkhidmatan kenderaan teksi, kereta sewa dan e-hailing juga **HENDAKLAH** mendapatkan sesalinan dokumen-dokumen kelulusan, sama ada menerusi salinan 'hardcopy' mahupun 'softcopy' sebagai bukti, bagi kegunaan para pemandu selepas menghantar penumpang mereka ke satu-satu lokasi merentasi sempadan daerah atau negeri.
- (v) Perkara ini juga bertujuan **MENGELAKKAN** kebenaran beroperasi kepada perkhidmatan pengangkutan awam diambil kesempatan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan ingkar arahan PKP untuk merentasi sempadan bagi tujuan yang tidak dibenarkan. Seterusnya akan menggagalkan usaha Kerajaan dan negara untuk menangani pandemik COVID-19.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
21 JANUARI 2021

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media
Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
 +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Faks +603 8892 0208
E-mel sua@mot.gov.my
 unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

